

**Ketua Delegasi EU, Kuasa Usaha Kedutaan Iran Kunjungi Abu Zahar
Bernama
7 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Ujang pada Selasa menerima kunjungan hormat dua perwakilan asing di negara ini.

Pertemuan dengan Duta dan Ketua Delegasi Suruhanjaya Kesatuan Eropah ke Malaysia Vincent Piket serta Kuasa Usaha Kedutaan Iran di Malaysia Seyed Mohammad Reza Shams Dolatabadi itu berlangsung di pejabat beliau di bangunan Parlimen di sini.

Mengulas dua kunjungan itu kepada pemberita, Abu Zahar berkata mereka membincangkan perkembangan terkini dalam hubungan dua hala Malaysia dengan kedua-dua negara terbabit.

Pada pertemuan dengan Piket yang bakal tamat tempoh perkhidmatannya di Malaysia hujung bulan ini, Abu Zahar berkata wakil EU itu berkongsi pengalamannya sepanjang tiga tahun berada di sini.

"...beliau menyatakan dapat memahami dengan lebih dekat lagi kedudukan negara dari kaca mata negara-negara Eropah secara keseluruhannya," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686201>